

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XX)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA  
YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN**

2. Dasar Penang Bebas Asap Rokok bercita-cita untuk menjadikan seluruh Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama bebas asap rokok.
  - (a) Apakah dasar ini akan diteruskan?
  - (b) Apakah status pewartaan yang ingin dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. (a) Dasar Penang Bebas Asap Rokok (PENBAR) akan dikaji berdasarkan tinjauan dan maklum balas awam. Kawasan yang telah dicadangkan untuk pewartaan adalah seperti berikut:
  - (i) Batu Ferringhi, Timur Laut;
  - (ii) Bayan Lepas, Barat Daya;
  - (iii) Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah;
  - (iv) Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan; dan
  - (v) Butterworth, Seberang Perai Utara.

- (b) Jawatankuasa PENBAR sedang dalam proses untuk menetapkan persempadanan bagi kawasan Butterworth untuk melengkapkan dokumen pewartaan yang bakal diangkat kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.